

# 'Kompek Hitam': Bongkar kisah hidup masyarakat Tawau

NST 9.10.2017 9

KOTA KINABALU: Festival Teater Negeri Sabah 2017 terus memamerkan bakat-bakat muda dalam seni pementasan teater.

'Kompek Hitam' terbitan Borneo Komrad, merupakan pementasan teater yang dipersembahkan oleh pelajar Tahun Tiga, Seni Kreatif, pengkhususan teater, Fakulti Keamanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.

Karya 'Kompek Hitam' berkisahkan mengenai norma kehidupan yang diadaptasi dari kisah sebenar masyarakat sekitar daerah Tawau dan pemuda bernama Acok adalah seorang pemuda yang bekerja demi menyara kehidupan diri sendiri, dan keluarga selepas kematian ayahnya.

Acok menghadapi masalah dalam mendapatkan pekerjaan berikutan status kewarganegaraannya yang tidak jelas dan beliau tidak memiliki kad pengenalan dan terjerumus dalam lembah hitam, iaitu menjadi seorang penjual rokok seludup di jalanan.

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE & DK RYNI QAREENA



KUMPULAN Borneo Komrad yang turut mempersembahkan 'Kompek Hitam' pada festival itu.